

Pantau aktiviti mencatat elak bebankan pengguna

Pemantauan terhadap sebarang aktiviti mencatat atau aktiviti membuat keuntungan secara tidak munasabah dalam kalangan peniaga yang tidak bertanggungjawab sempena penambahbaikan skim perkhidmatan awam yang bakal dilaksanakan kelak perlu giat dilakukan.

Pada minggu lalu, kerajaan mengumumkan sebanyak 252 skim perkhidmatan awam di bawah Sistem Saranan Malaysia (SSM) akan ditambah baik berkuat kuasa 1 Julai kelak. Penambahbaikan skim perkhidmatan itu akan membabitkan 1.6 juta penjawat awam.

Antara proses penambahbaikan yang terbabit ialah faedah pemindahan gaji penjawat awam bersamaan dengan satu kenaikan gaji tahunan mengikut gred berkuatkuasa 1 Julai ini.

Seperti sudah menjadi amalan yang mana setiap kali pengumuman kenaikan gaji

atau sebarang faedah dibuat, ia akan diikuti dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan.

Tak rasa manfaat diumumkan kerajaan

Ini menyebabkan golongan pengguna yang baharu sahaja menikmati proses kenaikan gaji dan faedah tidak dapat merasa manfaat yang diumumkan kerajaan.

Tidak salah untuk golongan peniaga mendapatkan keuntungan bagi aktiviti peniagaan mereka.

Namun, apa yang menjadi salah ialah apabila terdapat segelintir peniaga tidak bertanggungjawab mengambil peluang melakukan aktiviti pencatutan yang melampau sehingga membebankan pengguna serta membawa impak negatif terhadap peniaga yang jujur.

Bagi peniaga yang mencatat, tindakan undang-un-

dang boleh diambil melalui Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan 2011 (Akta 723) melalui Seksyen 14. Seksyen 18 Akta yang sama memperuntukkan bahawa jika didapati bersalah, bagi suatu pertubuhan perbadanan, boleh didenda tidak melebihi RM500,000 dan, bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM1juta.


Jika pelaku kesalahan bukan pertubuhan perbadanan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kerjasama perangi aktiviti

Pihak berkaitan dengan isu penguatkuasaan kawalan harga barangan dan perkhidmatan seperti agensi penguatkuasa-

an di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), persatuan pengguna seperti Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) lain serta anggota masyarakat secara keseluruhannya hendaklah memberi bekerjasama bagi memerangi aktiviti pencatutan ini.

Agensi penguat kuasa perlu memastikan harga barangan dan perkhidmatan terutamanya harga barangan keperluan asas sentiasa terkawal serta tidak dimanipulasikan pihak tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah.

 **Dr Muzaffar Syah Mallow,**

Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah dan
Undang-undang, Universiti
Sains Islam Malaysia (USIM)